



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (47)
Tarikh : 25 September 2022

PERINGATAN 1

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT BAGI BULAN
OGOS 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Para 2.7.4 di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 Tahun 2018 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **penyelenggaraan dan semakan laporan dalam persekitaran iGFMAS** bagi memastikan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan yang diluluskan dikemaskini dengan tepat dan betul. **Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan adalah seperti pada Lampiran I, SPANM Bil. 7 Tahun 2018.**

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi bulan **Ogos 2022** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya.**

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Puan Hanida Bt Abdul Hajat** di talian **04-7001000 (samb.187).**

5. Kerjasama dan tindakan segera daripda pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROGAYAH BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman